

Pelajar enam negara sertai *i-Caps*, *d-Camp*

TELOK KEMANG 4 Feb. - Seramai 91 pelajar dari enam negara menyertai Program *i-Caps* dan *d-Camp* bagi berkongsi pengalaman berkaitan bidang reka bentuk kejuruteraan di Port Dickson di sini hari ini.

Program itu melibatkan 16 pelajar dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM), 42 (Korea), 21 (Indonesia) dan masing-masing empat (China, Singapura dan Taiwan).

Penyelaras program, Hilmi Sanusi berkata, penganjuran program bermula Jumaat lalu dan berakhir Rabu ini bertujuan mempromosi kerjasama antara pelajar dari pelbagai negara dan membentuk kemahiran sosial dalam kalangan peserta.

"Kita berjaya mendedahkan pelajar untuk bekerjasama dalam pasukan yang berbeza latar belakang agama, negara, budaya dan bahasa. Di samping itu, mewujudkan minat peserta

dalam bidang kejuruteraan.

"Kem reka bentuk ini bertujuan melahirkan pemikiran kreatif dan reka bentuk inovatif melalui perkongsian ilmu dan pengalaman," katanya dalam Program *i-Caps* dan *d-Camp* di Homestay Pachitan di sini.

Program yang diadakan atas usaha Prof. Dong-Won Kim dari Universiti Kebangsaan Chunbuk, Korea itu dirasmikan Pengerusi MCA negeri, Datuk Seri King Lim Chin Fui.

Hilmi memberitahu, sepanjang program itu, peserta turut menyertai aktiviti kemasyarakatan dengan bergotong-royong menanam pokok di Dataran Pachitan dan mengacat tandas awam.

Ujarnya, mereka juga berpeluang mencuba permainan tradisional iaitu gasing, sepak raga bulatan serta melukis corak batik.

Selain itu, peserta berkesempatan melihat majlis berendoi dan cukur jambul.



BEBERAPA peserta melukis corak batik di Homestay Pachitan, Telok Kemang, Negeri Sembilan, semalam. - UTUSAN/AIDA FAIEZLAN